

**MODUL KERANGKA
KARANGAN BM SPM 2022
'PASTI A+ SPM 2022'
MEREKA YANG USAHA
PASTI BERJAYA**



NAMA : _____

TINGKATAN : _____

CONTOH KERANGKA KARANGAN BAHAGIAN A (KARANGAN PENDEK)

DISEDIAKAN OLEH SAHABAT TIMUR LAUT		BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1	
PANDUAN MENULIS KARANGAN B			
PERENGGAN	AYAT	JENIS AYAT	HURAIAN
PENDAHULUAN	1	Tema	Pada masa ini, isu yang berkaitanselalu dibincangkan oleh masyarakat.
	2	Isu	Ada pendapat yang mengatakan bahawa(tema) semakin hari semakin serius/ membimbangkan.
	3	Sokongan/ ungkapan	Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu untuk mengatasi isu ini bak kata pepatah (peribahasa) bagai aur dengan tebing.
	4	Tugasan soalan	Persoalannya, apakah(tugasan)
ISI PERTAMA	1	Isi 1	Antara,(tugasan soalan) ialah(masukkan isi 1)
	2	Huraian	Hal ini dikatakan demikian kerana (mengapa)
	3	Contoh	Sebagai contoh,(masukkan aktiviti yang mereka lakukan)
	4	Ayat penegasan	Jelaslah bahawa,(ulang isi 1) agar/kerana... (masukkan huraian ringkas)
ISI KEDUA	1	Isi 2	Selain itu,.....(Isi 2) ialah.....(masukkan isi 2)
	2	Huraian	Hal ini bermaksud.....(masukkan mengapa?)
	3	Contoh	Contohnya,
	4	Ayat Penegasan	Tuntasnya,.....(ulang isi 2) agar/kerana..... (masukkan huraian ringkas)
ISI KETIGA	1	Isi 3	Seterusnya,(masukkan isi 3)
	2	Huraian	Hal ini penting kerana,(masukkan mengapa?)
	3	Contoh	Misalnya,
	4	Ayat Penegasan	Ternyata bahawa,(ulang isi 3) kerana..... (masukkan huraian ringkas)
KESIMPULAN	1	Saranan	Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha untuk me..... + tema + agar + negara dapat melahirkan masyarakat yang
	2	Harapan	Semoga usaha untuk(masukkan harapan)
	3	Seruan	Oleh itu, marilah kita
	4	Ungkapan	Usaha ini ibarat muafakat membawa berkat bagi mengatasi masalah ini.

NOTA :

- Idea untuk karangan bahagian A 'wajib' diambil dalam bahan yang diberi
- Pastikan karangan bahagian A ditulis tidak lebih daripada 200 patah perkataan.
- Pilih 2 idea sahaja daripada bahan.

CONTOH KERANGKA KARANGAN BAHAGIAN B (KARANGAN PANJANG)

KERANGKA KARANGAN KEPUJIAN/CEMERLANG

A. Perenggan Pendahuluan

1. Pada era globalisasi ini sering diperkatakan di segenap pelosok dunia tentang isu (isu /tema karangan).
2. Umum mengetahui bahawa(isu/tema)..... semakin hari semakin serius/ kritikal/ berkurangan/ meningkat/ membimbangkan.
3. Seandainya kita terus leka dan memandang remeh terhadap isu ini pasti ... (masukkan kesan).....
4. Persoalannya mengapakah hal/masalah/fenomena sedemikian berlaku?
5. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam isu ini?
6. Tiada penyakit yang tiada penawarnya, maka langkah-langkah yang konkrit, sistematik dan pragmatik harus dijalankan secara berterusan agar masalah ini boleh dibasmi hingga ke akar umbi.

(Ayat ke-6 perlu diubah mengikut tugasan yang diuji –langkah, kesan, peranan dan lain-lain)

B. Perenggan Isi

ISI PERTAMA

1. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa.. (ayat tugasan).... ialah.....(isi 1 / apa)
2. Hal ini demikian kerana (huraian / mengapa)
3. Sekiranya dipraktikkan akan (bagaimana/kesan).....
4. Sebagai contoh(masukkan contoh)
5. Hal ini menyebabkan (huraian contoh)
6. Persis kata peribahasa Melayu,.....
7. Jelaslah bahawa,..... (kesimpulan kecil/ penegasan).....

ISI KEDUA

1. Sesungguhnya (ayat tugasan).... ialah (isi 2 / apa)
2. Hal ini tercetus demikian kerana (huraian isi/ mengapa)
3. Daripada realiti ini dapat kita katakan bahawa ... (kesan jangka pendek).....
4. Contoh yang ketara yang paling ialah.....(contoh).....
5. Tambahan pula.....(huraian contoh).....
6. Bertepatanlah dengan kata peribahasa bahawa.....(jika ada).....
7. Tuntasnya (kesan/ penegasan).....

ISI KETIGA

1. Umum mengetahui bahawa (ayat tugasan) yang seterusnya ialah (isi 3/ apa).....
2. Dalam konteks ini (huraian isi/ mengapa).....
3. Perkara ini berlaku demikian kerana.....huraian (bagaimana).....
4. Misalnya.....(contoh).....
5. Oleh hal yang demikian(huraian contoh).....
6. Isu ini dikatakan(masukkan peribahasa jika ada)
7. Ternyata bahawa(kesan jangka panjang/ penegasan)

ISI KEEMPAT

1. Tidak dapat dinafikan dari perspektif yang lain.....(ayat tugas).....ialah ...(isi empat /apa).....
2. Hal ini dikatakan demikian kerana..... huraian isi/mengapa).....
3. Perkara ini menyebabkan.huraian / bagaimana)
4. Sebagaimana yang kita sedia maklum,.....(masukkan contoh).....
5. Oleh hal yang sedemikian.....(huraian contoh).....
6. Menurut kata peribahasa.....(jika ada peribahasa)...
7. Jelaslah(kesan jangka panjang/ penegasan)

ISI KELIMA

1. Namun demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dipandang remeh ialah (ayat tugas)..... ialah (isi 5/apa)
2. Buktinya ialah.....(huraian isi /mengapa).....
3. Hal ini berlaku demikian kerana (kesan jangka pendek).....
4. Buktinya.....
5. Perkara ini menjadikan..... huraian contoh).....
6. Persis kata mutiara.....
7. Sudah terang lagi bersuluh.....(kesan jangka panjang/ penegasan)

C. Kesimpulan

1. Akhirulkalam, marilah kita bersama-sama ibarat ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni mengatasi / menyokong isu ini.
2. Jika tidak kita akan dipandang rendah / dipandang tinggi oleh negara lain.
3. Semoga kita akan dapat melahirkan masyarakat / negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang suatu hari nanti.
4. Namun begitu bak kata peribahasa tepuk dada tanya selera., semuanya terletak di tangan anda.
5. Marilah sama-sama kita sederap seirama mengatasi permasalahan ini sebelum kudis menjadi tokak.

NOTA :

- Idea untuk karangan bahagian B perlu difikirkan sendiri
- Tulis karangan yang panjangnya antara 350 – 500 patah perkataan
- Huraikan 3@4 idea.

Kosa Kata yang Boleh Digunakan Dalam Karangan

BIL	PERKATAAN	CONTOH AYAT
1.	POLEMIK	Sejak kebelakangan ini, kes buli telah menjadi polemik di sekolah-sekolah asrama.
2.	MARHAEN	Penindasan terhadap golongan marhaen yang dilakukan oleh golongan bangsawan pada zaman dahulu perlu dihapuskan agar ianya tidak berulang lagi.
3.	KULAWARGA	Kulawarga yang bertoleransi antara satu sama lain akan hidup bahagia
4.	DASAWARSA	Dasawarsa ini, kes pembunuhan telah meningkat terutamanya di kawasan lorong-lorong gelap.
5.	IKHTISAR	Pelajar yang mampu memberi ikhtisar yang mantap semasa belajar di dalam kelas merupakan seorang pelajar yang hebat.
6.	AMSAL/TAMSIL	Dalam banyak peristiwa yang berlaku di sekolah ini, terdapat peristiwa-peristiwa yang tidak boleh dilupakan amsalnya majlis persaraan guru besar dan majlis hari raya.

7.	WASILAH	Wasilah antara guru dengan pelajar adalah antara wasilah yang terkuat selepas wasilah dengan ibu bapa.
8.	NIRMALA	Pada hari yng nirmala ini, saya ingin menyampaikan sajak bertajuk, Kebersihan separuh dari iman.
9.	SAKINAH	Sakinah yang berpanjangan akan dapat dikecapi jika kita berpegang dengan agama-Nya
10.	SINERGI	Sinergi antara guru dan pelajar amat penting bagi melancarkan proses pdp.
11.	USLUB/MINHAIJ/MANHAJ	Menelaah subjek sebelum diajar guru merupakan antara manhaj berkesan untuk mencapai kejayaan
12.	PRAKARSA	Prakarsa utama dalam mebanteras buli ialah pelajar perlu bersikap jujur.
13.	AFORISME	Aforisme bagai ular dicurahkan cuka sesuai dengan sikap kelam-kabut Zahir itu
14.	SIRNA	Rasa hormat dalam diri pelajar sekarang semakin sirna.
15.	JAGATRAYA	Seluruh jagatraya kecoh membincangkan bencana yang melanda Indonesia baru-baru ini.
16.	SEANTERO	Perlawanan akhir piala dunia itu ditonton hampir seantero dunia.
17.	OBLIGASI	Sudah menjadi obligasi setiap sekolah untuk melahirkan insan yang Berjaya
18.	MAYAPADA/MARCAPADA	Mayapada, isu lumba haram kerap disiarkan dalam berita.
19.	MAPAN	Kehadiran warga asing telah menjadi mapan dalam kalangan rakyat Malaysia.
20.	SEYOGIA	Golongan remaja seyogianya tidak terlibat dengan perkara negatif yang akan mencalarakan imej negara.
21.	SEMENTELAHAN	Sikap tidak ambil peduli merupakan punca hubungan kejiwaan semakin renggang sementelahan kesibukan bekerja menyebabkan komunikasi antara jiran semakin terbatas
22.	MAUDUK	Mauduk syarahab yang akan saya sampaikan ialah cara-cara mencapai kejayaan.
23.	PADAU	Sebelum padau perbincangan saya korek lebih dalam, molek kiranya saya mulakan dengan pendefinisian tajuk terlebih dahulu
24.	TEGAR	Pihak Kementerian Kesihatan gusar kerana ramai remaja kini menjadi penghisap vape tegar.
25.	KONGKALIKUNG	Beberapa orang pelajar SMK Labu berkongkalikung ponteng sekolah di kafe siber.
26.	MENYISIR	Sebelum saya menyisir usul perbincangan dengan lebih dalam, izikan saya mendefinisikan terlebih dahulu frasa demi frasa.
27.	MAHMUDAH	Sifat mahmudah jika diamalkan dalam kehidupan akan merubah personaliti anak agar menjadi anak cemerlang dan terbilang
28.	GEMULAH	Sewajarnya kita mencontohi sifat gemulah terdahulu yang sanggup mempertahankan warisan bangsa agar dapat dinikmati oleh anak cucu.
29.	CERITERA	Sebagai pelajar pintar, kita sepatutnya tidak terpengaruh dengan ceritera palsu yang berlegar-legar dalam media massa.
30.	INTI PATI	Perlembagaan Negeri Malaysia merupakan inti pati yang perlu dihormati oleh seluruh warga Malaysia
31.	BERIJTIHAD	Remaja mesti mengkaji sesuatu isu agar mampu berijtihad apabila ditanyakan tentang sesuatu isu oleh orang luar.

32.	MENGHADAP	Semua orang perlu menghadap sesuatu perkara dengan cara yang betul dan rasional
33.	BELASUNGKAWA	Semua yang hadir pada majlis tahlil itu mengucapkan belasungkawa kepada keluarga Abu atas kematian datuk mereka
34.	KENDATIPUN	Contoh ayat : Kendatipun pendapatan kita sekarang berlimpah-ruah, kita seharusnya beringat untuk menyimpan sebahagian daripadanya sebagai tabungan.
35.	SIGNIFIKAN	Langkah-langkah signifikan perlu dilakukan untuk membasmi buli dalam kalangan pelajar sekolah.
36.	TERAMPIL	Sifat terampil merupakan ciri wajib yang perlu ada pada seorang pelajar yang berwawasan.
37.	PROGNOSIS	Prognosis yang tepat dalam menilai keperibadian rakan sebaya perlu ada dalam memilih rakan sebaya.
38.	PROKLAMIR	Kerajaan Negeri Kelantan telah memproklamir Kota Bharu sebagai Pusat Bandar Kelantan.
39.	TRAGEDI	Menjadi suatu tragedi apabila mengenangkan mereka yang kehilangan ahli keluarga selepas bencana itu berlaku.
40.	KULAWARGA	Kulawarga dewan sekalian, tajuk syarahan saya pada hari ini ialah, Peranan Anak Muda dalam Menyemarakkan Semangat Kejiranan.
41.	JALUR LEBAR	Kemudahan jalur lebar di kawasan pedalaman yang disediakan oleh kerajaan dapat memudahkan seharian penduduk di sana.
42.	NIHILISME	Remaja yang mengamalkan nihilisme dalam kehidupan mereka tidak mempunyai akhlak yang baik.
43.	MOBILITI	Murid yang baik akhlaknya dan berilmu pengetahuan akan bermobiliti kearah kecemerlangan
44.	HEDONISME	Remaja perlu dikawal agar tidak mengamalkan budaya hedonisme dalam kehidupan mereka.
45.	FRANCAIS	Syarikat industri oleh mengaplikasikan konsep francais untuk mempopularkan produk dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat.
46.	SAF	Remaja perlu menyusun saf agar dapat bergerak seiring menangani gejala dadah yang semakin mencengkam pada hari ini.
47.	PARADIGMA	Kita perlu melakukan anjakan paradigma untuk merubah pengaruh negatif yang membelenggu golongan muda negara ini.
48.	KODIFIKASI	Pelajar yang berpengetahuan tinggi mampu melakukan kodifikasi apabila membaca bahan bacaan yang berasal daripada pelbagai sumber.
49.	ENTENG	Sikap masyarakat yang memandang enteng gejala ponteng sekolah menyebabkan golongan remaja mempunyai akhlak yang sangat teruk.
50.	CAKNA	Ibu bapa perlu cakna akan setiap tingkah laku yang dilakukan oleh anak-anak mereka.
51.	TUNTAS	Tuntasnya, idea beliau untuk mencegah gejala ponteng sekolah hanya mampu bertahan buat seketika.
52.	IZHAR	Izharnya, golongan orang kurang upaya turut membantu perkembangan ekonomi negara Malaysia.
53.	AFDAL	Perkara yang afdal bagi menggalakkan anak-anak bersukan adalah dengan ibu bapa yang turut serta bersukan dengan mereka.

54.	JERAYAWARA	Jerayawara secara berterusan perlu dilakukan agar anak remaja sekarang dapat memperbaiki akhlak mereka
55.		
56.	REKAYASA	Guru yang hebat mampu melakukan rekayasa melalui pelbagai medium dan kaedah pengajaran di dalam kelas.
57.	EGOSENTRIK	Sikap egosentrik yang ada di dalam diri sesetengah pelajar menyebabkan kerapnya berlaku kes buli.
58.	ADIWANGSA	Remaja yang mampu menahan diri dari terjebak dengan arus masalah sosial akan menjadi adiwangsa yang mengharumkan nama negara.
59.	EGALITARIANISME	Konsep 1 Malaysia mampu merealisasikan egalitarianisme dalam pembudayaan budaya dan bahasa
60.	ATMA	Sementelahan , generasi muda pada hari ini mengalami gangguan atma sehingga menyebabkan mereka tidak memikirkan baik buruk sesuatu perkara.
61.	BOBROK	Masyarakat yang bobrok akhlaknya akan merugikan negara.
62.	PENGITLAKAN	Sebagai pengitlakan, kita seharusnya berganding bahu memulihara bangunan bersejarah untuk memastikan generasi hari muka dapat mewarisinya.
63.	EFISIEN	Langkah yang efisien mampu memperkasakan pendidikan vokasional di negara ini.
64.	GELANDANGAN	Amalan menabung sejak kecil mampu merubah kehidupangelandangan menjadi lebih baik.
65.	MUASIR	Muasir ini, budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia telah meningkat.
66.	SIMBIOSIS	Sememangnya simbiosis antara kerajaan dengan rakyat mampu menghasilkan sinergi yang merubah senario masyarakat.
67.	PIDANA	Para remaja terdorong untuk melakukan pidana kerana terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya.
68.	NINGRAT	Remaja seharusnya berusaha menjadi golongan ningrat yang akan membanggakan nama ibu bapa dan negara.
69.	JEMBEL	Seharusnya kita membantu orang-orang jembel di sekitar kawasan kita yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
70.	MURBA	Sebagai golongan murba, kita seharusnya menyokong dasar – dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.
71.	PROLETAR	Kita seharusnya memerangi gejala buli dan samseng sekolah kerana kita tidak mahu melihat generasi pada masa hadapan menjadi masyarakat proletar.

SENARAI PERIBAHASA BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 4

Tema	M/S	Peribahasa / Ungkapan/ Slogan / Kata Hikmat	Maksud
1 Merealisasikan Impian	7	ibarat belayar sambil memapan	melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus
	8	hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai	sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara belajarlah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut.
	10	cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun.	belum dewasa sudah hendak melawan orang tua; belum ada pengalaman.
	10	di mana ada kemahuan di situ ada jalan	jika mempunyai cita-cita, seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.
	12	orang mengantuk disorongkan bantal	memperoleh apa yang benar-benar diinginkan.
2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera	21	zaman Tuk Nadur berkajang kain	suatu masa atau zaman yang telah lalu atau suatu masa atau zaman yang telah lama sekali berlalu.
3 Memetik Bintang	37	Jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.	tidak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah.
4 Menjulung Harapan di Bumi Bertuah	49	bertanggung itu pencuri masa	melakukan kerja secara bertanggung akan merugikan diri sendiri.
	49	untung sabut timbul, untung batu tenggelam	jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah.
5 Memacu Produktiviti	68	titik peluh	hasil usaha sendiri
6 Dunia Pelancongan	74	hujan halau mentua pun turun	hujan sebentar sahaja
	74	kecil-kecil cili padi	meskipun kecil tetapi bijak atau berani
	74	kembang hidung	sombong, berkongsi

	74	kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa	pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja
	74	kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai	jangan melakukan sesuatu kerja yang berisiko yang kita tidak sanggup / mampu tangani atau hadapi / kalau takut berhadapan dengan penderitaan, lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah / sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya
	75	takkan lari gunung dikejar	membuat sesuatu kerja biarlah dengan cermat dan berhati-hati
	77 / 84	hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri	walaupun bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.
	77	jauhari sahaja yang mengenal manikam.	orang yang bijaksana juga mengetahui keelokan ilmu.
	77	indah khabar daripada rupa	perkhabaran sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.
	82	bapa borek anak rintik	anak menurut baka, kelakuan dan lain-lain dari bapanya.
	82	tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya.
	82	lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang	perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa.
	82	kera mendapat bunga	seseorang yang tidak tahu menilai / menghargai pemberian orang lain.
	82	bagaimana acuan, begitulah kuihnya	seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya.
	83	sambil menyelam minum air	sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.
	84	jauh berjalan luas pandangan	jika kita banyak merantau, banyaklah perkara yang kita ketahui.
7 Demi Kedamaian	88	sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan dawai juga	sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya
	90	bagai itik mendapat air	kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.

	90	kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.
	90	kalau tiada angin bertiup masakan pokok bergoyang.	tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal
	90	air tenang jangan disangka tiada buaya	orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut atau tidak berbahaya
	98 / 224	anak buah	orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / pekerja di bawah jajaan kita.
	99	seperti telur di hujung tanduk	dalam keadaan bahaya/serba sulit
	99	sambil menyelam minum air	sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai
8 Dalam Lipatan Kenangan	106	titik hitam	sejarah atau perkara buruk yang pernah berlaku
	106	pisang tidak berbuah dua kali	sekali rugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati
	106	yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan	contohi sesuatu yang baik tetapi jauhan daripada sesuatu yang buruk
	106	sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.	jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera.
	112	mata air	orang kesayangan/kekasih
	112	jalan tengah	mengambil keputusan yang tidak berat sebelah
9 Sayangi Malysiaku	117	tanah air	negeri tempat seseorang dilahirkan
	121	hidup berjiran membawa bahagia	(bahasa berbudaya)
	121	sakit sama menyaduh, luka sama menyuik	sama-sama bertanggungjawab
	121	serumpun bak serai, sesusun bak sirih	bersatu padu dalam segala hal.
	121	mulut biar manis, hati biar baik	orang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya.

	121	adat pulau limburan pasang	kehidupan manusia hendaklah bantu membantu, yang kaya membantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah.
	121	jiran umpama keluarga	(bahasa berbudaya)
10 Bangsa Bugar, Sastera Kekar	141	membuang muka	berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai.
11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	150	hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	jika kita hendak melakukan sesuatu, kita akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita dan demikian juga sebaliknya.
	157	di mana ada gula, di situ ada semut	apabila sesuatu tempat mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul.
	157	cermat masa banyak, jimat masa sedikit	selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu.
	157	besar periuk, besarlah keraknya	kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar
	157	condong diumpil, lemah dianduh	orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan.
	157	ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita	orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri
12 Asli dan Kontemporari	166	air tangan	masakan seseorang
13 Segalanya Bermula di Sini	180	membuka mata/buka mata	melihat dan meluaskan pandangan/ menyedarkan atau menginsafkan orang lain
14 Sihat dan Bersih Pilihanku	198	panas baran	cepat marah
	199	terlajak perahu boleh diundur terlajak kata badan binasa	berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.
16 Dipimpin untuk	220	malang tidak berbau	kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba.

Memimpin	222	turun padang	pergi sendiri (biasanya pemimpin, pembesar dsb) ke sesuatu tempat utk menyiasat (meninjau, melihat dsb) sesuatu keadaan, masalah dsb.
	224 / 98	anak buah	orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/ pekerja di bawah jagaan kita.



SENARAI PERIBAHASA BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 5

Tema	M/S	Peribahasa / Ungkapan / Slogan / Kata Hikmat	Maksud
1 Anda Bersih Anda Sihat	9	belukar menjadi rimba	kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi.
2 Sukan dan Rekreasi	17	malang tak berbau	kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba.
	20	tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh.
3 Kerjaya Meniti Kejayaan	38	berbelah bahagi	tidak tetap / teguh pendirian / perasaan dan sebagainya pada sesuatu tumpuan berbahagi berpecah
4 Bersatu Kita Teguh	46	duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	sama taraf atau darjat
	50	tak kenal maka tak cinta	apabila tahu, baru timbul suka
	51	ada ubi ada batas	(bahasa berbudaya)
	51	membaca jambatan ilmu	amalan membaca dapat membantu menambahkan ilmu
5 Pendidikan untuk Semua	60	cerdik seperti kancil	kepandaian berasaskan tipu helah
	60	rajin seperti semut	orang yang rajin bekerja
	60	usaha tangga kejayaan	usaha gigih untuk menempa kejayaan
	60	hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai (Indonesia)	orang yang hidup hemat akan menjadi kaya, orang rajin belajar akan menjadi pandai
	60	bara yang digenggam biar sampai menjadi arang	mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.
	67	berdiam diri	tidak berkata-kata
	67	berkecil hati	tersinggung perasaan
	67	menggagahkan diri	(bahasa berbudaya)
	67	barang terbuang	(bahasa berbudaya)
	67	ringan tulang	orang yang rajin membantu
	67	masa itu umpama emas	masa itu sangat berharga
6	188	ikutlah resmi padi makin	makin banyak ilmu atau makin

Citra Bahasa dan Sastra Kita		berisi makin tunduk	tinggi pangkat makin merendahkan diri
	188	jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung	jangan membesar-besarkan kejayaan ataupun usaha yang tidak seberapa (kecil/ sedikit)
	188	ikutlah resmi penyu, telur beribu tak siapa tahu	K•untungan orang kaya walau bagaimana banyak pun tidak menjadi sebutan orang
	189	melentur buluh biarlah daripada rebungnya	mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.
	189	sampah masyarakat	orang yang tidak berguna